

**KUALITI ILMU BERASASKAN KESAHAN DAN
KEBOLEHPERCAYAAN DATA DALAM PENYEBARAN ILMU
ISLAM: PERBINCANGAN BERASASKAN KAJIAN KUALITATIF**
(Knowledge Quality Based on Data Validity and Reliability in the Dissemination of
Islamic Knowledge: Discussion Based on Qualitative Study)

¹ZANATON HJ. IKSAN*

²SALASIAH HANIN HAMJAH

²TENGKU INTAN ZARINA TENGKU PUJI

³MOHD NOOR SAPER

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor,
Malaysia

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor,
Malaysia

³ Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Bandar Proton, 35900 Tanjung Malim, Perak

ABSTRAK

Dalam kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif, data yang diperoleh perlu diyakini dan benar agar hasil dapatan kajian boleh dipercayai dan tidak dipertikaikan kesahihannya. Kajian kualitatif menggariskan beberapa proses untuk memastikan data yang diperoleh mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Proses ini sememangnya telah dilalui dan dilakukan oleh para sahabat, tabiin, tabi' tabiin dan ulama dalam proses mengumpul dan menyebarkan ilmu Islam, malah proses yang dilalui jauh lebih terperinci dan sistematik untuk memastikan kesahihan ilmu sejak zaman Rasulullah. Justeru, penulisan ini membincangkan proses kesahihan ilmu dalam pengumpulan dan penyebaran ilmu Islam yang terbukti kebenarannya yang sebahagiannya dilakukan dalam proses pengumpulan data melalui kaedah kualitatif bagi memperoleh kesahan dan kebolehpercayaan suatu kajian. Perbincangan ini memberi tumpuan kepada enam jenis proses bagi memastikan kesahan dan

*Corresponding author: Zanaton Hj. Iksan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia, mel-e: zanaton.iksan@ukm.edu.my

Diserahkan: 1 April 2015

Diterima: 15 Jun 2015

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2016-0801-02>

kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif iaitu triangulasi, tempoh kajian yang lama (*prolonged engagement*), persetujuan peserta kajian (*member checking*), penelitian rakan sebaya (*peer review*), jejak audit (*audit trail*) dan bias pengkaji (*researcher's bias*). Kesimpulannya, perbincangan ini mengupas bagaimana para ilmuan Islam amat menitikberatkan kesahihan ilmu yang disampaikan sehingga ilmu itu boleh dipercayai dan diyakini untuk menjadi amalan yang diterima sehingga ke hari ini.

Kata kunci: kesahihan, kebolehpercayaan, ilmu Islam, triangulasi, tempoh kajian yang lama

ABSTRACT

In a study using qualitative approach, the data obtained should be reliable and correct so that the results are reliable and have undisputed authenticity. Qualitative study outlines some of the processes to ensure that the data obtained have high validity and reliability. This process has certainly been done by the companions of the Prophet, the successors of the Prophet, the successor's successors and Islamic scholars in their journey to collect and disseminate Islamic knowledge; in fact, the processes that they went through were much more detailed and systematic to ensure the validity of the knowledge since the days of the Prophet. Hence, this paper discusses the processes of knowledge validation in the collection and dissemination of Islamic knowledge that were attested, which were partly done in the process of data collection through qualitative methods to gain validity and reliability of an inquiry. This discussion focuses on six types of processes to ensure the validity and reliability in qualitative studies, which were triangulation, prolonged engagement, member checking, peer review, audit trail, and researcher's bias. In conclusion, this discussion explains how the Islamic scholars highly emphasizes the validity of the knowledge disseminated so that the knowledge are reliable and trustworthy to become accepted practices up to this day.

Keywords: *validity; reliability; Islamic knowledge; triangulation; prolonged engagement*

PENDAHULUAN

Penyebaran ilmu Islam merupakan medium dakwah dan pendidikan dalam mencapai matlamat pengabdian kepada Allah. Ilmu Islam perlu bersumberkan dua sumber primer yang penting, iaitu al-Quran dan al-Sunnah bagi memastikan kesahihan dan penerimaannya yang wajib diimani. Begitu juga manhaj atau metode penyebaran ilmu Islam mengambil kira pendekatan dan teknik yang memenuhi elemen kesahihan serta menjustifikasikan penerimaannya. Roh ilmu Islam diterima dalam kajian dan metode ilmu moden masa kini di mana elemen ini disebut sebagai kesahan dan kebolehpercayaan. Manakala dalam periwayatan ilmu Islam istilah ini agak sinonim dengan istilah *ṣaḥīḥ*, *maqḅūl*, *thiqah* dan *dābiṭ*. Elemen ini dapat dijelajahi daripada

metode periwayatan sama ada dalam ilmu Hadis, ilmu Tafsir dan ilmu al-Quran yang lain. Justeru tidak menghairankan apabila elemen kesahihan dan penerimaan ini diterima pakai pada kajian masa kini kerana Islam terlebih dulu meletakkan prasyarat yang cermat dan terperinci.

Manakala kajian moden masa kini, suatu kajian empirikal yang melibatkan kajian secara kualitatif melalui pengumpulan data di lapangan, elemen kesahan dan kesahihan atau kebolehpercayaan adalah sangat penting bagi memastikan kajian dijalankan melalui proses yang betul. Seterusnya proses ini memperkukuhkan hasil kajian sehingga dapatannya sah dan boleh dipercayai. Ia merujuk kepada sejauh mana dapatan kajian dapat menggambarkan fenomena yang dikaji atau diterokai itu tepat dan tekal (Othman 2006). Walaupun kesahan dan kesahihan agak sukar dilakukan memandangkan pendekatan kajian kualitatif dilakukan terhadap fenomena yang sedia ada dan semula jadi, namun ia boleh dicapai melalui pengurusan data yang tersusun dan beretika (Merriam 2001; Wiersma 2000). Kedua-duanya juga boleh dicapai melalui penyampaian atau penceritaan secara terperinci terhadap langkah yang dilalui oleh pengkaji dalam proses penyelidikan (Bailey 2007). Kesimpulannya, proses kesahan dan kebolehpercayaan dapat menjelaskan bagaimana dapatan kajian melalui pendekatan kualitatif dapat disokong oleh bukti yang kukuh sehingga hasilnya tidak diragui.

Justeru, penulisan ini bertujuan untuk melihat proses penyebaran ilmu Islam yang diamalkan oleh para ulama yang secara tidak langsung telah diguna pakai dalam proses penyelidikan melalui pendekatan kualitatif. Perbincangan bermula dengan bagaimana kesahihan ilmu dijaga sehingga dapat disampaikan kepada manusia sehingga hari ini untuk menjadi amalan yang diterima dalam syariat Islam. Manakala, perbincangan dalam proses menentukan kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif akan menyentuh enam jenis proses yang biasa diamalkan dalam proses pengumpulan data.

Kesahihan Ilmu Islam

Pengumpulan ilmu Islam pada zaman Nabi Muhammad terdiri daripada ilmu wahyu berbentuk ayat al-Quran dan as-Sunnah. Kesahihan ayat al-Quran telah dijamin oleh Allah sendiri. Firman Allah SWT:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

(al-Hijr 15: 9)

Maksud: Sesungguhnya kamilah yang menurunkan al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.

Ayat al-Quran bukan sahaja dipelihara sehingga hari kiamat tetapi juga mempunyai fakta yang tidak dapat diragui kesahihannya dan tidak boleh dipertikaikan

sehingga Allah SWT berani mencabar manusia agar mencipta ayat yang setanding dengan al-Quran, namun manusia tidak akan mampu melakukannya. Firman Allah SWT (al-Baqarah 2: 23) yang bermaksud;

Dan jika kamu meragukan (al-Quran) yang kami turunkan kepada hamba kami (Muhammad), maka buatlah satu surah seumpama dengannya dan ajaklah penolong-penolongmu selain Allah, jika kamu orang-orang yang benar.

Begitu juga dengan al-Sunnah yang tidak dapat diragui kesahihannya kerana dalam penulisan hadis ia bukannya dilakukan secara tanpa usul periksa tetapi dilakukan dengan penuh ketelitian sehingga hadis itu sendiri dapat dikategorikan kepada hadis sahih, hasan dan daif. Justeru itu, hadis turut diangkat sebagai sumber perundangan Islam selepas al-Quran. Kedua-dua ilmu ini (al-Quran dan al-Sunnah) adalah peninggalan Rasulullah untuk diamatkan dalam kehidupan sehingga ke akhir zaman.

Selain itu, kesahan maklumat bersumberkan wahyu sama ada al-Quran ataupun hadis juga dapat dibuktikan menerusi amalan atau aplikasi secara praktikal yang dilakukan sendiri oleh Rasulullah SAW bagi membuktikan kesahihan kandungan (maksud) wahyu itu. Hal ini dinukilkan dalam sejarah Islam di mana Rasulullah SAW mengahwini Zainab binti Jahsy, bekas isteri Zaid bin Harithah (anak angkat Rasulullah) bagi membolehkan seorang bapa angkat mengahwini bekas isteri anak angkatnya. Firman Allah SWT:

فَلَمَّا قَضَى زَيْدٌ مِّنْهَا وَطَرًا زَوَّجْنَاكَهَا لِكَيْ لَا يَكُونَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ حَرَجٌ
أَزْوَاجٍ أَدْعِيَآئِهِمْ إِذَا قَضَوْا مِنْهُنَّ وَطَرًا وَكَانَ أَمْرُ اللَّهِ مَفْعُولًا ﴿٣٧﴾
(al-Ahzab 33: 37)

Maksud: Kemudian setelah Zaid selesai kemahuannya terhadap isterinya (dengan menceraikannya), Kami kahwinkan engkau dengannya supaya tidak ada keberatan atas orang-orang yang beriman untuk berkahwin dengan isteri-isteri anak-anak angkat mereka, apabila anak-anak angkat itu telah selesai habis kemahuannya terhadap isterinya (lalu menceraikannya). Dan sememangnya perkara yang dikehendaki Allah itu tetap berlaku.

Selain itu, kesahan al-Quran ataupun hadis juga dapat dibuktikan menerusi amalan Rasulullah SAW dalam kes poligami di mana al-Quran mengharuskan amalan ini dan ia diamatkan oleh Rasulullah SAW sendiri. Firman Allah SWT:

... فَأَنكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَىٰ وَثُلَاثَ وَرُبْعَ فَإِنِ خِفْتُمْ أَلَّا
تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً ...

(al-Nisa'4: 3)

Maksud: ...Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan lain: dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka berkahwinlah seorang sahaja...

Kesahan ilmu warisan Islam ini juga dapat dibuktikan melalui amalan turun temurun yang diwarisi daripada zaman Rasulullah SAW sehingga ke hari ini. Kekalnya ilmu tersebut adalah bersandarkan kepada keyakinan bahawa amalan tersebut adalah sah. Bagi menentukan kesahihan sesuatu amalan itu pula, Rasulullah menggesa umat Islam agar menitik beratkan soal ilmu dan tidak mengikut-ikut (*taqlid*) tanpa pengkajian. Dalam hal ini Islam amat memandang tinggi orang yang mempunyai ilmu. Firman Allah SWT:

يَتَّيِبُهُمُ اللَّهُ لَدِينِهِ إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَالِسِ فَافْسَحُوا يَفْسَحِ
اللَّهُ لَكُمْ وَإِذَا قِيلَ أَنْشُرُوا فَأَنْشُرُوا يَرْفَعِ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا
الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١﴾

(al-Mujadilah 58: 11)

Maksud: Wahai orang-orang yang beriman. Apabila dikatakan kepadamu, "Berilah kelapangan di dalam majlis-majlis", maka lapangkanlah, nescaya Allah akan memberi kelapangan untukmu. Dan apabila dikatakan, "berdirilah kamu", maka berdirilah, nescaya Allah mengangkat darjat orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan (dalam kalangan kamu) beberapa darjat. Dan ingatlah Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan.

Penekanan mencari ilmu, adalah untuk membolehkan umat Islam agar membezakan perkara yang benar dan salah serta berpegang dengan ajaran yang benar sahaja. Andainya ajaran wahyu yang disampaikan kepada Rasulullah SAW itu palsu, tentulah ilmu tersebut akan lupus dan tidak lagi diamalkan. Ini menunjukkan bahawa penyebaran ilmu Islam telah melalui proses yang begitu sistematik dan terperinci yang dijaga oleh Allah agar ilmu itu dapat diamalkan dengan yakin sejak dari zaman Rasulullah SAW. Kesahan dan kesahihan dalam proses penyebaran ilmu Islam sejak daripada Rasulullah ini dibuktikan dimana amal ibadah yang dilakukan oleh orang Islam adalah sama seperti yang dilakukan Rasulullah hinggalah kini.

KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN MAKLUMAT

Kesahan merujuk kepada pengukuran ketepatan kajian di mana kajian itu memberi gambaran yang sebenar tentang apa yang hendak dikaji (Bailey 2007; Othman Lebar 2006). Merriam (2001) menjelaskan bahawa kesahan berkaitan dengan bagaimana dapatan kajian sepadan dengan realiti sebenar. Manakala kebolehpercayaan merujuk kepada setakat mana dapatan kajian boleh diulang semula untuk memberikan hasil yang sama (Merriam 2001). Namun, dalam pendekatan kualitatif kebolehpercayaan boleh merujuk kepada sejauhmana sesuatu tingkah laku, perbuatan atau sesuatu peristiwa itu berulang. Dengan itu, Wiersma (2000) menyatakan bahawa pengulangan itu boleh berlaku melalui proses pemungutan data yang berterusan dan berulang dengan pelbagai cara.

PENGUMPULAN ILMU ISLAM

Dalam pengumpulan ilmu Islam sejak dari zaman Rasulullah SAW, kesahan dan kesahihan amat dititikberatkan sehingga ilmu yang disampaikan boleh dipercayai, seterusnya diamalkan pada masa kini. Justeru proses kesahan dan kebolehpercayaan atau kesahihan perlu ditempuhi. Penulisan ini membincangkan enam jenis proses kesahan dan kebolehpercayaan yang biasa diamalkan dalam proses pengumpulan data melalui pendekatan kualitatif.

Triangulasi

Triangulasi bermaksud penggunaan pelbagai sumber data, penyelidik, kaedah pemungutan data dan analisis (Bailey 2007; Merriam 2001; Othman Lebar 2006). Penggunaan pelbagai teknik ini mampu memberi peluang kepada proses pengesahan dapatan yang lebih baik dan boleh dipercayai. Seterusnya, teknik ini dapat meningkatkan kesahan dan kesahihan dapatan kerana setiap data yang diperolehi daripada satu teknik dapat diperkuatkan lagi oleh teknik yang lain.

Umumnya dalam kajian secara kualitatif, teknik triangulasi boleh dilakukan antara kaedah dan di dalam kaedah. Triangulasi di antara kaedah dilakukan dengan cara melakukan pelbagai teknik pengumpulan data. Teknik pengumpulan data boleh dilakukan melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Bagi memastikan kesahan data, pengkaji perlu sertakan petikan dengan sumbernya sebagai bukti kajian. Bukti pemerhatian disusuli dengan bukti temu bual yang membincangkan perkara yang sama.

Proses Triangulasi dalam kaedah pula dilakukan dengan cara melakukan pemerhatian dan temu bual secara berulang kali kepada setiap peserta kajian. Melalui proses ini, dapat diperhatikan bahawa peserta kajian mungkin melakukan sesuatu perlakuan secara berulang-ulang. Keadaan ini akan mengukuhkan dapatan kajian sehingga tidak dapat diragui. Perkara yang sama berlaku semasa temu bual

di mana peserta kajian mungkin akan menyatakan perkara yang sama dengan cara memberi contoh atau menceritakan kembali apa yang telah diperkatakan pada temu bual sebelumnya. Trangulasi secara ini (di antara kaedah dan dalam kaedah) dapat meningkatkan kesahihan data disebabkan penilaian dan pemeriksaan terhadap data boleh dilakukan dengan cara membuat perbandingan data yang dikumpul daripada pelbagai sumber (Merriam 2001).

Dalam *Usul al-Hadis*, kita dapati pelbagai teknik digunakan untuk menerima periwayatan bagi memastikan kesahan dan kesahihan sesuatu hadis nabi seperti teknik *al-sama'* (mendengar lafaz daripada guru), membaca di hadapan guru, *ijazah*, *munawalah*, *kitabah*, *i'lam*, *wasiyyah* dan *wijadah*.

Teknik *al-sama'* atau mendengar daripada guru bermaksud guru membaca hadis (sama ada daripada hafalan atau kitab) dan pelajar mendengarnya atau pelajar mendengar dan mencatat apa yang di dengari atau hanya mendengar semata tanpa membuat catatan. Teknik ini adalah kaedah paling bernilai berbanding teknik lain (Mahmud 1996). Mendengar daripada guru meliputi pendengaran secara langsung atau di sebalik tabir. Sekiranya pendengaran itu di sebalik tabir, maka syaratnya perawi itu meyakini suara yang membacakan hadis itu adalah suara gurunya. Ini berlaku ketika para sahabat menerima hadis daripada isteri Nabi Saidatina Aishah r.a. Firman Allah SWT (al-Ahzab 33: 53) yang bermaksud:

Wahai orang-orang Yang beriman, janganlah kamu masuk ke Rumah Nabi (menunggu makanan masak kerana hendak makan bersama), kecuali kamu dijemput untuk menghadiri jamuan, bukan Dengan menunggu-nunggu masa sajiannya; tetapi apabila kamu dijemput maka masuklah (pada waktu yang ditetapkan) kemudian setelah kamu makan maka hendaklah masing-masing bersurai dan janganlah duduk bersenang-senang Dengan berbual-bual. Sesungguhnya Yang demikian itu menyakiti dan menyusahkan Nabi sehingga ia merasa malu (hendak menyatakan hal itu) kepada kamu, sedang Allah tidak malu daripada menyatakan kebenaran. Dan apabila kamu meminta sesuatu yang harus diminta dari isteri-isteri Nabi maka mintalah kepada mereka dari sebalik tabir. Cara yang demikian lebih suci bagi hati kamu dan hati mereka. dan kamu tidak boleh sama sekali menyakiti Rasul Allah dan tidak boleh berkahwin dengan isteri-isterinya sesudah ia wafat selamalamanya. Sesungguhnya segala yang tersebut itu adalah amat besar dosanya di sisi Allah.

Manakala teknik kedua, iaitu membaca di hadapan guru dikenali sebagai *al-qira'ah* atau *'ard*. Dalam teknik ini pelajar membacakan hadis dan guru mendengarnya secara teliti. Ia boleh berlaku sama ada pelajar itu sendiri yang membaca atau hanya mendengar dari bacaan pelajar lain. Teknik ini diterima sebagai sah (benar) kecuali bagi ulama yang *mutasyaddidin* (rigid).

Ijazah pula bermaksud apabila guru memberi kebenaran kepada seseorang pelajar untuk meriwayatkan sesebuah hadis atau sesebuah kitab bersandarkan kepada seseorang ulama yang tertentu yang memberikan kebenaran tersebut tanpa membacakan kitab itu di hadapannya. Ada banyak lafaz-lafaz dalam teknik ini yang menunjukkan perakuan dari guru serta kebenaran meriwayatkan hadis dari beliau. Kaedah ini disyaratkan guru menentukan muridnya yang layak menerima keizinannya dalam meriwayatkan hadis tersebut (Rosmawati Ali 1977).

Munawalah ialah seorang guru memberikan kepada pelajarinya dalam bentuk kitab asal atau bahan salinan atau apa sahaja bentuk bahan bertulis yang mengandungi hadis untuk diriwayatkan. Metode ini tidak dilakukan pada zaman-zaman awal. Ada pendapat mengatakan al-Zuhri menggunakan metode munawalah ini pada zamannya dan menyerahkan bahan bertulis yang mengandungi hadis kepada beberapa ulama terkenal seperti al-Thauri, al-Auza'i dan Ubaidullah Ibn Umar (Rosmawati Ali 1997).

Kitabah ialah mempelajari dan meriwayatkan hadis melalui surat atau kiriman. Pada masa kini ia boleh difahami seperti teknik belajar melalui gaya pos atau surat-menyurat. Ia juga boleh bermaksud seseorang guru yang menulis sendiri atau menyuruh orang lain menulis sesebuah hadis untuk disampaikan kepada orang tertentu yang berada di tempat lain atau orang yang ada di hadapannya (Rosmawati Ali 1977).

Al-Ilam ialah apabila seorang guru memberitahu kepada muridnya di mana sesebuah hadis atau kitab yang diriwayatkannya (sama ada didengar dan diambil daripada orang lain atau riwayatnya sendiri) tanpa memberitahu dengan jelas mengenai ijazah atau kebenaran supaya muridnya itu meriwayatkannya pula kepada orang lain. Ulama Hadis menentukan syarat teknik ini mestilah memastikan gurunya seorang *thiqah* (boleh dipercayai) dan amanah (Rosmawati Ali 1977).

Wasiah ialah memberi kepercayaan untuk menyerahkan sesebuah kitab hadis kepada seseorang agar dia mampu meriwayatkan hadis-hadis yang terkandung di dalamnya bersandarkan kepada individu yang memberikan kepercayaan menggunakan kitab tersebut. Teknik ini dianggap paling lemah berbanding teknik lain (Rosmawati Ali 1977).

Al-Wijadah ialah mendapatkan kitab seseorang tanpa kebenarannya untuk meriwayatkan hadis-hadis di dalamnya dengan bersandarkan kepada seseorang. Imam Malik berpendapat teknik ini tidak diharuskan, manakala Imam Shafi'i pula menerimanya bersyarat iaitu dengan menjelaskan secara terang sumber periwayatan itu diambil (Rosmawati Ali 1977).

Tempoh yang Lama

Pengumpulan data melalui pendekatan kualitatif sering memerlukan masa yang lama. Kajian dalam tempoh yang lama bermaksud pengkaji berhubung dengan peserta kajian dalam jangka masa yang lama. Merriam (2001) menyatakan bahawa tempoh masa yang lama diperoleh disebabkan pengulangan pengumpulan data terhadap fenomena yang sama dalam jangka masa yang panjang di lapangan (*long-term observation*). Di samping itu, masa yang lama juga diperlukan bagi membina hubungan secara berterusan dengan peserta kajian. Dengan itu, tempoh yang lama ini memberi peluang kepada pengkaji untuk melakukan pemerhatian dan temu bual berulang kali, membina kepercayaan dan keyakinan peserta kajian terhadap pengkaji, membina hubungan yang baik agar peserta kajian selesa untuk memberikan maklumat (Othman 2006). Creswell (2003) menyatakan bahawa tempoh yang panjang atau *prolonged engagement* perlu dilakukan sejak daripada peringkat awal di lapangan atau tempat kajian. Dalam hal ini, kehadiran pengkaji di tempat kajian di peringkat awal bertujuan untuk mempelajari selok-belok budaya, membina jalinan hubungan dengan peserta kajian atau membina *rapport* bagi menyesuaikan diri dengan tempat kajian. Tempoh yang lama diperoleh dengan membuat beberapa kali pemerhatian semasa sesi pengajaran bagi tajuk tersebut diikuti dengan temu bual bagi setiap peserta kajian. Sebahagian besar daripada temu bual dilakukan seiring dengan analisis data pemerhatian yang melibatkan temu bual secara mendalam. Temu bual secara mendalam terhadap peserta kajian dilakukan setelah menganalisis beberapa data awal. Semasa proses analisis, beberapa soalan susulan dibina untuk mengetahui maklumat lanjut.

Imam al-Bukhari telah mengumpulkan sebanyak 7,275 hadis termasuk hadis yang disebut berulang kali oleh beberapa perawi. Seterusnya hadis yang *ṣahih* dipilih dan dikumpulkan sebagai saripati hadis sebanyak 6,000 hadis. Pengumpulan hadis ini dilakukan selama 16 tahun untuk dimuatkan dalam kitab hadisnya yang paling masyhur, iaitu *ṣahih al-Bukhari* (Abdul Syukur et al. 2010)

Usaha ini dilakukan oleh para ulama salaf yang mengumpul hadis secara konsisten melampaui waktu yang panjang. Mereka akan mendapatkan hadis secara langsung dengan bertemu para guru (ulama hadis) dari negara tertentu dan berpindah ke negara lain untuk mendapat sokongan bagi kesahan sesuatu hadis. Kenyataan ini ada diceritakan oleh al-Khatib al-Baghdadi dalam karyanya *al-Riḥlah fī Ṭalab al-Ḥadīth* yang menukilkan kisah perjalanan para sahabat dan tabiin menuntut ilmu tersebut (Mahmud Tahhan 1996). Begitu juga syarat *dābiṭ* yang menjadi garis panduan dalam menerima sesuatu periwayatan hadis. *Dābiṭ* bermaksud seorang perawi hadis itu boleh meriwayatkan hadis sebagaimana didengarinya, bukan seorang yang lalai, kuat hafazannya dan mampu mencatat kembali apa yang didengarinya tanpa sebarang cacat cela (Nuruddin Itr 1997). Seorang yang *dābiṭ* bertanggungjawab memelihara catatan hadis dengan baik bermula daripada awal penerimaan hadis sehinggalah dia

meriwayatkannya. Hal yang sama juga berlaku dalam pengkajian ilmu al-Quran di mana ulama mengambil masa yang lama bagi menyusun ayat Makki dan Madani. Mereka berusaha merujuk kepada ulama tertentu untuk menentukan waktu penurunan ayat, lokasi penurunan, mengenal pasti ciri-ciri ayat dan sebagainya. Kesemuanya ini bersifat jangka panjang yang memerlukan ketelitian dan sifat keserjanaan yang tinggi.

Ilmuwan Islam terutama dalam bidang hadis didapati, mempunyai beberapa kelayakan sebelum diiktiraf sebagai pakar dalam bidang tersebut, antaranya ilmu *Rijāl al-Hadīth*. Menerusi ilmu ini, mereka melakukan kajian yang mendalam dan meneliti sejarah perawi, keadaan dan martabat serta mazhab masing-masing. Oleh itu, hasil-hasil karya yang disempurnakan melalui kajian lapangan yang lama mengenai riwayat perawi, *tabaqat*nya bermula daripada sahabah, jenis-jenis perawi dan sebagainya. Antara kitab-kitab tersebut ialah *Rijāl Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Rijāl Ṣaḥīḥ Muslim*, *Rijāl al-Muwatta'* dan sebagainya.

Manakala ulama Fikah seperti Imam Shafi'i sendiri mempunyai latar belakang pengajian dan pengembaraan ilmu yang cukup lama lantas mempengaruhi hasil karyanya dan buah fikiranannya. Beliau berdamping dengan Imām Malik, Muhammad ibn al-Hasan di samping mengkaji karya-karya ulama lain (Muhammad 1997). Penjelajahan beliau ke pelosok negara membantunya lebih memahami urusan manusia dan membuat pertimbangan yang adil serta menyusun garis panduan dalam menyalurkan sesuatu hukum.

Hal yang sama juga berlaku kepada al-Ghazali (450H - 505H) seorang tokoh besar ilmuwan Islam. Al-Ghazali menghabiskan masa hampir sepuluh tahun mengembara (*spiritual journey*) dan ber'*uzlah* (Brockelmann 1948; Mac Donald 1972; Mohd. Fauzi 2005). Pengembaraan beliau bertujuan untuk mendalami pelbagai bidang ilmu pengetahuan termasuklah ilmu tasawuf, al-Quran, hadis, fiqh dan ilmu nahu. Pengembaraan ilmu al-Ghazali di Tus, kemudian ke Jurjan (Gorgan), kembali semula ke Tus, kemudian ke Naysabur, Baghdad, seterusnya ke Damsyiq (Syria), Palestin, Mesir, Mekah dan Madinah, akhirnya pulang semula ke Tus dan meninggal dunia di tempat kelahirannya itu. Ini menunjukkan bahawa para ilmuwan Islam begitu teliti serta melalui proses yang lama dalam menimba ilmu pengetahuan serta menghabiskan banyak waktunya menjelajah ke pelbagai lokasi bagi mendapatkan ilmu yang sah.

Persetujuan Peserta Kajian

Persetujuan peserta kajian (*member check*) melibatkan pemeriksaan data dan interpretasi untuk dirujuk semula kepada peserta kajian bagi membolehkan mereka mengesahkan ketepatan dan kebenaran maklumat dan laporan kajian (Merriam 2001; Othman Lebar 2006). Persetujuan ini bukan sahaja bertujuan untuk menguji ketepatan dan kesahihan data bahkan menyediakan bukti dalam meningkatkan

kredibiliti dan kebolehpercayaan dapatan. Walaupun pengkaji sedaya upaya memastikan peranannya sebagai instrumen kajian yang utama, namun keadaan bias yang boleh mempengaruhi data mungkin akan terjadi (Miles & Huberman 1994). Selain itu, kesilapan pemungutan data mungkin terjadi disebabkan ketidakjelasan dan ketidakfahaman pengkaji memahami situasi yang sebenar. Bagi mengurangkan keadaan ini, pengkaji telah memberi peluang kepada peserta kajian untuk melihat dan membaca data yang diperolehi.

Pada umumnya, persetujuan peserta kajian dilakukan melalui tiga proses, iaitu membuat pengesahan transkripsi, pengesahan terhadap pemahaman dan pentafsiran yang dilakukan oleh pengkaji dan pengesahan terhadap beberapa kategori dan tema yang dibentuk oleh pengkaji. Pengesahan transkripsi dilakukan terhadap data mentah, iaitu data pemerhatian dan temu bual di mana pengkaji memberikan data mentah (transkripsi verbatim pengajaran dan transkripsi temu bual) kepada peserta kajian berserta borang pengesahan yang perlu ditandatangani sebagai bukti pengesahan tersebut. Keadaan ini membolehkan peserta kajian memberi maklum balas sama ada menambah atau menolak, memberi komen, memperbaiki sekiranya terdapat kekeliruan atau ketidaktepatan maklumat. Peserta kajian juga diberi peluang untuk membuang data sekiranya perlu.

Seterusnya, transkripsi yang diterima semula akan diperbetulkan mengikut apa yang telah diperbetulkan oleh peserta kajian. Pengkaji mendapat kerjasama daripada semua peserta kajian untuk membaca, membetulkan, seterusnya memberi pengesahan data mentah tersebut. Sebahagian peserta kajian memberi komen melalui perbincangan bersama pengkaji dan membetulkan apa yang dimaksudkan oleh beliau pada masa itu juga bagi mengelakkan menggunakan masa yang agak lama.

Pengesahan terhadap pemahaman dan pentafsiran yang dilakukan oleh pengkaji bertujuan untuk mendapatkan penjelasan tentang sesuatu perkara yang kurang difahami. Dalam pada itu, pengkaji juga meminta komen tentang sejauh mana ketepatan ayat yang dilaporkan oleh pengkaji seiring dengan apa yang dimaksudkan oleh peserta kajian. Perkara ini dilakukan dengan meminta penjelasan lanjut terhadap beberapa perkara yang tidak jelas dan kurang difahami serta mendapatkan pengesahan terhadap andaian yang dilakukan oleh pengkaji. Proses ini dilakukan semasa pengkaji membuat sesi temu bual lanjutan. Petikan di bawah merupakan contoh untuk mendapatkan pemahaman terhadap suatu fenomena. Akhirnya, peserta kajian membuat pengesahan terhadap beberapa kategori dan tema yang dibentuk oleh pengkaji sendiri. Perkara ini dilakukan dengan cara berbincang dan meminta ulasan terhadap beberapa kategori dan tema yang telah dibentuk bagi mendapatkan kepastian dan kesesuaian dari perspektif peserta kajian. Cara ini dapat menambahkan lagi keyakinan pengkaji dalam proses penganalisan dan pembentukan tema dan kategori yang telah dibentuk. Perkara yang dilakukan ini bertujuan untuk memastikan data yang dikumpul adalah data yang timbul daripada perspektif peserta kajian.

Imam al-Bukhāri memastikan kesahihan setiap hadis itu betul-betul diambil dari Rasulullah SAW dengan memastikan sanadnya yang asal. Perkara ini dilakukan dengan memastikan perawinya mempunyai sifat-sifat keadilan, kejujuran dan ingatan yang kuat. Selain itu beliau bertemu sendiri dengan perawi hadis itu untuk mengambil hadis (Abdul Syukur et al. 2010).

Dalam meriwayatkan hadis, para ulama telah menggariskan metode yang kemas dan terperinci bagi memastikan periwayatan itu bukan sahaja sahih tetapi juga diterima secara sepakat oleh semua perawi dalam jalur periwayatan. Inilah metode yang digunakan untuk menentukan sesuatu Hadis bertaraf *mutawattir*. Hadis *Mutawattir* ialah hadis yang diriwayatkan oleh jumlah perawi yang ramai, bilangan itu konsisten sepanjang jalur periwayatan dan ini menjadikannya mustahil mereka bersepakat membuat dusta kepada Rasulullah. Hadis ini dibahagikan kepada dua jenis, iaitu *mutawattir lafzi* dan *mutawattir ma'nawi* (Mahmud Tahhan 1984). Dalam dua jenis ini kita akan dapati wujudnya persetujuan para perawi sama ada pada lafaz dan makna ataupun pada makna semata.

Penelitian Rakan Sebaya (*Peer Examination/Peer review*)

Penelitian rakan sebaya merupakan penyemakan data bagi tujuan penilaian oleh sama ada rakan sekerja dan orang yang biasa terlibat dengan penyelidikan atau fenomena yang dikaji (Merriam 2001; Othman 2006). Proses ini juga menyediakan ruang bagi penyediaan idea yang bernas tentang tema dan kategori yang dibentuk sebagai dapatan kajian.

Pada umumnya, penelitian rakan sebaya dilakukan dengan tiga cara, iaitu perbincangan dengan penyelia, perbincangan secara tidak formal dengan rakan sepengajian dan membuat perbincangan secara formal. Mengikut cara pertama, pengkaji telah melakukan beberapa siri perbincangan dengan penyelia di sepanjang pengajian dan tumpuan diberikan semasa proses penganalisan. Perbincangan dengan penyelia bertujuan untuk mendapatkan gambaran dan persetujuan dalam proses penganalisan dan tema yang dibentuk memandangkan penyelia juga seorang yang terlibat secara langsung dalam perbincangan kajian sejak awal.

Selain daripada itu, perbincangan secara tidak formal dengan rakan sepengajian boleh dilakukan terutamanya dengan mereka yang juga menggunakan pendekatan kualitatif. Berbincang dengan orang yang terlibat dalam konteks kajian seperti guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran, akan memudahkan perbincangan kerana ia menjurus dalam bidang tersebut. Manakala, perbincangan secara formal bertujuan untuk meningkatkan kebolehppercayaan dapatan berbentuk kategori dan tema yang dibentuk oleh pengkaji setelah melalui proses analisis. Dalam perbincangan ini, pengkaji perlu memberikan salinan data dan tema-tema yang muncul berserta petikan di bawah setiap tema. Selain itu, tema didefinisikan bagi memberikan gambaran tentang apa yang dimaksudkan oleh pengkaji bagi memudahkan proses pengesahan.

Proses ini dilakukan bagi meminta pandangan orang lain serta meminta beliau membuat semakan terhadap tentatif kategori dan tema yang dibuat oleh pengkaji sendiri. Ini bertujuan memastikan tema yang ditentukan oleh pengkaji boleh diterima sebagai hasil kajian setelah mendapat kritikan hasil kolaborasi antara pengkaji dan penyelidik lain. Pembentukan tema cara ini lebih mantap kerana proses ini berlaku secara dua hala. Proses ini menyediakan ruang untuk bersoal jawab, berbincang dengan memahami konteks kajian. Sebagai contoh; selepas saya membentangkan tema-tema yang muncul, perbincangan terbuka luas di mana rakan boleh bertanya bagaimana tema sedemikian boleh timbul. Maka pengkaji akan memberi penjelasan berdasarkan konteks atau fenomena yang berlaku dengan merujuk kepada data verbatim pengajaran dan temu bual.

Apabila kitab Sahih Bukhari itu telah siap disusun, beliau telah membentangkan kepada para imam ahli hadis pada zaman itu untuk mendapat pandangan seterusnya mendapatkan pengakuan mereka. Setelah itu, barulah kitab itu dikemukakan kepada orang ramai (Abdul Syukur et al. 2010).

Dalam ilmu Usul *al-Hadīth* pula, penyebaran ilmu hadis memerlukan penelitian lebih dari seorang perawi, yang akan menguatkan lagi kesahan sesuatu maksud hadis yang disampaikan. Apabila hadis itu disokong oleh perawi yang lain dan sama taraf, maka ia sekali gus menaikkan martabat hadis tersebut ke tahap yang lebih kuat. Contohnya hadis *ḥasan* akan dinaikkan tarafnya menjadi *ṣaḥīḥ liḡhayriḥ* apabila mendapat sokongan dari perawi yang sama taraf atau lebih kuat darinya. Contohnya hadis mengenai galakan bersiwak atau menggosok gigi.

Hadis ini diriwayatkan oleh Muḡammad bin 'Amr yang terkenal (masyhur) dengan sifat benar dan terpelihara. Walau bagaimanapun beliau bukanlah ahli *itqān* kerana ada yang merujuk beliau sebagai *da'īf* disebabkan kelemahan dalam hafalannya. Namun ada ulama lain yang menerimanya sebagai *thiqah* kerana sifat benar dan kemuliaannya. Dari sudut ini, hadis tersebut kedudukannya ḡasan, maka apabila disokong dengan riwayat lain maka terhapuslah keraguan tentang kelemahannya tadi dan taraf hadis dinaikkan menjadi *ṣaḥīḥ liḡhayriḥ* (Mahmud Tahhan 1984).

Jejak Audit (*Audit Trail*)

Jejak audit (*audit trail*) adalah proses penerangan secara terperinci tentang bagaimana data dipungut, bagaimana kategori dan tema diperoleh dan bagaimana keputusan dibentuk melalui penyiasatan (Merriam 2001). Jejak audit juga dibina secara mendokumenkan proses yang dilalui melalui penulisan jurnal dan memo, penyimpanan log terhadap semua aktiviti yang dilakukan, membentuk kronologi pengumpulan data dan merekod prosedur analisis data dengan jelas (Othman 2006). Dengan cara ini, pengkaji dapat mengesan pemikiran, telahan (ramalan), idea gerakan hati, sepanjang proses penganalisan data yang dilakukan sejak dari awal lagi. Selain itu, jejak audit juga adalah proses pengauditan data bagi memudahkan pencarian

semula dan menjejaki peristiwa yang berlaku di lapangan. Proses ini memberi peluang kepada dapatan yang boleh dipercayai kesahihannya.

Pada umumnya, proses jejak audit boleh dilakukan melalui beberapa cara iaitu mencatatkan segala aktiviti seharian terutama berkaitan pengumpulan data sehingga kepada dapatan kajian. Pengkaji juga menyediakan buku log bagi mendokumenkan kronologi pengumpulan data serta penyimpanan data dalam sistem komputer dengan cara mencatatkan tarikh, masa dan memberikan indeks bagi setiap jenis data yang dikumpul.

Proses jejak audit juga dilakukan dalam penulisan kajian. Perkara ini dilakukan dengan cara menuliskan indeks dan penomboran untuk menyatakan punca bagi semua data dalam bentuk petikan yang dijadikan sebagai bukti dalam dapatan kajian. Sebagai contoh: N,4B,P1(260608)/34-40 bermaksud petikan ini diambil dari data pemerhatian cikgu Nora pada sesi pemerhatian pertama di kelas 4B pada tarikh 26 Jun 2008 dan petikan bermula dari baris ke-34 hingga baris ke-40. Kejelasan rujukan ini bertujuan untuk menjejaki dan mendapatkan semula data asal. Proses jejak audit secara tidak langsung boleh meningkatkan kesahihan data.

Metode ini dapat dilihat dalam metode penulisan para ulama dalam karya mereka. Contohnya Ibn Kathir menjelaskan metode yang digunakan dalam karyanya *tafsir Ibn Kathir*, antaranya berpegang kepada *asbāb nuzūl* ketika merumuskan (*istinbat*) mengenai ayat-ayat hukum, bersandarkan hadis dan mentakhrijkan hadis tersebut dan menyatakan *nāsikh mansūh* (Abd al-Qahar 1987). Imam al-Qurtubī pula menjelaskan sumber penulisan dalam karya tafsirnya secara merujuk kepada *al-hadith, asbāb nuzūl, nāsikh mansūh*, pendapat fuqaha, lebih cenderung dengan pandangan ulama khalaf tentang ayat-ayat berkaitan sifat-sifat Allah selain mentarjih pandangan selain mazhab Imam Malik (Abd al-Qahar 1987). Salah satu metode yang termasuk dalam jejak audit ini ialah proses *tahqiq* yang dilakukan terhadap karya asli. Contohnya karya tafsir Imam al-Tabari telah di *tahqiq* oleh Salah 'Abd al-Fattah al-Khalidi untuk merekodkan semula maklumat yang tepat dan merombak maklumat yang lemah. Beliau ada menjelaskan dalam muqaddimah karya tersebut (Abi Ja'far Muhammad 1997):

Saya menyusun tafsir ini secara membuang dan menjauhkan kandungannya yang terlalu banyak (berdasarkan ijtihad saya sendiri), saya hanya menyatakan sebahagian pendapat-pendapat yang Ma'thur sahaja untuk menjelaskan, menafsirkan makna ayat tanpa sanad-sanad yang banyak atau yang diulang oleh Imam al-Tabari.

Kaedah *tahqiq* juga berlaku kepada penulisan al-Ghazali. Oleh kerana beratus-ratus buah hadis yang dimuatkan dalam *Ihya' Ulum al-Din* tidak diterangkan rawi dan sanadnya atau *da'īf* dan *ṣaḥīḥnya* menurut pandangan ilmu hadis, maka seorang ulama hadis, iaitu Abu al-Fadl Hafiz al-Iraqi telah membuat penelitian dan

mengklasifikasikan hadis tersebut dari segi *ṣaḥīḥ* atau *ḍaʿīf*nya. Hadis yang *ṣaḥīḥ* atau *hasan* dimuatkan dengan teks asalnya sedangkan yang *ḍaʿīf* hanya diterjemahkan maksudnya sahaja sambil mengatakan bahawa dia tidak menjumpai hadis tersebut dalam buku-buku hadis yang diselidikinya (Mohd. Nor 1988). Hasil kajian ini, al-Iraqi telah menulis sebuah buku yang bertajuk *al-Mughni ʿan al-Asfar fi Takhrij ma fi al-Ihyaʾ min al-Akhbar*.

Bias Pengkaji

Bias pengkaji (*researcher's bias*) menerangkan tentang kemampuan pengkaji dalam menjelaskan dapatan yang diperoleh tanpa membuat andaian sendiri (Merriam 2001). Othman (2006) pula memberi pandangan bahawa bias pengkaji adalah prosedur di mana penyelidik dapat menjelaskan andaian, kepercayaan dan nilai yang datangnya daripada kajiannya tanpa dipengaruhi oleh diri sendiri. Perkara ini perlu bagi memastikan dapatan kajian adalah hasil daripada perspektif kajian dan bukan daripada bias pengkaji dalam proses penyelidikan. Dalam pendekatan kualitatif, pengkaji mengurangkan bias dengan cara mengelakkan daripada membuat andaian sendiri serta membuat justifikasi terhadap perkara yang dicatatkan untuk mengelakkan sebarang penilaian berat sebelah. Bagi tujuan ini juga, pengkaji memberi penerangan mendalam tentang latar belakang peserta kajian, dan menceritakan fenomena atau konteks semula jadi dalam membincang sesuatu tema yang muncul sebagai dapatan kajian.

Bila dikaitkan dengan penyebaran ilmu Islam, setiap hadis yang dikumpulkan oleh Imam al-Bukhārī misalnya, akan dikaji terlebih dahulu dari semua aspek dengan teliti sehingga benar-benar yakin kesahihannya. Sebelum beliau mencatatkan sesuatu hadis ke dalam bukunya *ṣaḥīḥ Bukhārī*, beliau terlebih dahulu mendirikan solat sunat dua rakaat dan beristikhrah kepada Allah untuk mengingati-Nya dan memohon agar diberi taufik serta mengharapkan agar pengumpulan hadis-hadis yang dilakukan olehnya adalah yang benar dan sahih (Abdul Syukur et al. 2010). Perkara ini dilakukan bagi memastikan hadis ini benar daripada Allah, iaitu wahyu Ilahi.

Begitu juga dengan al-Ghazali, beliau banyak beruzlah dan mengingati Allah dalam proses penyebaran ilmu. Hal ini dilakukan supaya dia dapat menyucikan hatinya serta mendapat taufik dan hidayah Allah SWT dalam menghasilkan karya. Di Syam misalnya, al-Ghazali menghabiskan masa selama dua tahun untuk beruzlah dan ada masanya beriktikaf di masjid Damsyiq dan naik ke menaranya (Fauzi 1988). Hal yang sama juga dilakukan di Baitul Maqdis (Ibn Jawzi 1992; Ibn Kathir 1988; al-Subki 1968). Setiap hari al-Ghazali memasuki *sakhrāh* dan mengunci pintu dari dalam. Di Baitul Maqdis inilah beliau berjaya mengarang kitabnya yang termasyhur iaitu *Ihyaʾ Ulum al-Din* (Ibn Jawzi 1992; Ibn Kathir 1988; Badawi 1987).

Ketelitian ilmuwan Islam bagi mengelakkan bahawa ilmu itu datang daripada dirinya sendiri dapat dibuktikan juga melalui amalan Imam al-Tabari dalam karya

tafsirnya. Bagi mengelakkan kecenderungan dengan pendapatnya sendiri, al-Tabari merekodkan banyak pendapat ulama dalam menghuraikan tafsiran ayat-ayat al-Quran. Walau bagaimanapun pendapat yang pelbagai itu kemudiannya melalui proses pentarjihan bagi menentukan ketepatan sumber yang sebenar (Abd al-Qahar 1987). Ini membuktikan para ulama terdahulu begitu mengharapkan keredhaan Allah dalam memastikan kesahihannya sehingga penyebaran ilmu Islam dapat sampai ke hari ini

KESIMPULAN

Proses yang dibincangkan adalah berkaitan bagaimana sesuatu penyelidikan melalui pendekatan kualitatif itu perlu melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan. Ia bertujuan untuk memastikan dapatan yang diperolehi boleh dipercayai dan mempunyai kesahihan yang tinggi. Makalah ini telah membincangkan enam proses bagi mendapatkan kesahihan dan kebolehpercayaan dan setiap proses mempunyai tata cara bagi menentengahkan bukti kesahihan suatu dapatan. Dalam menentukan kesahihan dan kebolehpercayaan dapatan kajian melalui pendekatan kajian secara kualitatif, berlaku keselarian dan kesamaan yang berlaku dalam penyebaran ilmu Islam yang memang diyakini kesahihannya. Proses ini bukan bermaksud penyebaran ilmu Islam melalui proses penyelidikan kualitatif, tetapi ilmu Islam adalah ilmu wahyu daripada Allah melalui Rasulullah SAW dan seterusnya sebarkan oleh para ulama dengan begitu teliti sehingga ke hari ini. Namun, ayat al-Quran dan Hadis adalah *ṣahih* dan tidak boleh dipertikaikan kebenarannya serta wajib diimani. Hakikatnya, kesemua proses untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan data didasari dengan sikap ketelusan, tanggungjawab dan amanah penyelidik. Kesemua ini menonjolkan akhlak Islam dan sifat Ikhsan yang yakin dengan kehadiran Tuhan sebagai pemerhati. Kesimpulannya, proses kesahan dan kebolehpercayaan perlu ditonjolkan secara rasional dalam membuktikan bahawa hasil dapatan yang diperolehi terbukti kesahihannya dan boleh dipercayai.

RUJUKAN

- Abd al-Qahar Dawūd Abdullāh al-Ani. 1987. *Dirāsāt fī al-Tafsīr wa al-Mufasssīrīn*. Baghdād: Maṭba'ah As'ad.
- Abdul Syukur Husin, Hadi Hasan, Muhamad Nafiah Abdullah, Ismail Muhammad, Muhammad Zohir Othman & Muhammad Jamli Awang Lirai. 2010. *Sohih Bukhori*. Terjemahan, Jilid 2. JAKIM. Kuala Lumpur: Jabatan Agama Islam Malaysia.
- Badawi, 'Abd al-Rahman. 1987. *Mawsū'ah al-Haḍārah al-'Arabiyah al-Islamiyyah, al-Falsafah wa al-Falāsifah bi al-Haḍārah al-'Arabiah*. Beirut: Muassasah al-Arabiyyah.

- Bailey, C. A. 2007. *A Guide to Qualitative Field Research* (Edisi ke-2). London: Pine Forge Press.
- Brockelmann, Carl. 1948 *History of the Islamic Peoples*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Creswell, J. W. 2003. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Method Approaches*. London, UK: Sage.
- Fauzi Awang 1988. al-Imam al-Ghazali sebagai Ahli Tasawwuf. Seminar al-Imam al-Ghazali dan Sumbangannya, Anjuran Akademi Islam, Universiti Malaya dan Jabatan Hal Ehwal Islam, pada 23-25. September.
- Ibn al-Jawzī, Abū al-Farj Abd Raḥmān bin Alī bin Muḥammad. 1992. *Al-Muntazam fī Tārīkh al-Mulūk wa al-Umam*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiah.
- Ibn Kathīr, Imām al-Jalīl al-Hāfīz ‘Imāduddīn Abī al-Fidā’ Ismāīl bin Kathīr al-Qurasyī al-Damṣīqī. 1988. *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Beirut: Maktabah al-Ma’ārif.
- Mac Donald, D. B. 1972 *Development of Muslim Theology, Jurisprudence and Constitutional Theory*. Lahore: The Premier Book House.
- Maḥmud Ṭaḥḥān. 1996. *Taysir Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Riyad: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nashr wa al-Tauzī’.
- Maḥmud Ṭaḥḥān. 1984. *Taysir Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Kuwait: Maktabah Dar al-Turath.
- Merriam, S. B. 2001. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Miles, M. B. & Huberman, A. M. 1994. *Qualitative Data Analysis* (Edisi ke-2). London: Sage.
- Mohd. Fauzi Hamat. 2005. *Ketokohan al-Ghazzali dalam Bidang Logik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd. Nor Ngah. 1988. Hasil Karya dan Penulisan al-Ghazali. Seminar al-Imam al-Ghazali dan Sumbangannya, Anjuran Akademi Islam, Universiti Malaya dan Jabatan Hal Ehwal Islam, Jabatan perdana Menteri, 23-25 September.
- Muḥammad Abū Zahrah. 1997. *Pengasasan dan Pengembangan Mazhab Syafie*. Kassim Mat Salleh (terj.) Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.

- Nuruddin Itr. 1997. *Manhaj al-Naqd fi Ulum al-Hadith*. Beirut: Dar al-Fikr al-Muasir.
- Othman Lebar. 2006. *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim, Malaysia: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rosmawati Ali. 1997. *Pengantar Ulum Hadis*. Kuala Lumpur: Ilham Abati Enterprise.
- al-Subkī, Tāj al-Dīn Abī Naṣr Abd Wahhāb bin Alī bin Abd al-Kāfi. 1968 *Tabaqāt al-Shāfi'iyah al-Kubrā*. t.tp: Matba'ah Isa al-Babi al-Halabi.
- al-Tabari, Abī Ja'far Muḥammad bin Jarīr. 1997. *Tafsīr al-Ṭabarī Jāmi' 'al-Bayān 'an Ta'wīl Āyāt al-Quran*. Terj. Salah 'Abd al-Fattah al-Khalidi. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Wiersma, W. 2000. *Research Methods in Education: An Introduction* (Edisi ke-7). Boston: Allyn and Bacon.